

06 MAR 1999

Mahathir-Sabah (Kontrak)

MONOPOLI KONTRAK OLEH WAKIL RAKYAT AKAN DISIASAT, KATA DR M

KOTA KINABALU, 6 Mac (Bernama) -- Rungutan penduduk luar bandar di beberapa tempat di Sabah yang wakil-wakil rakyat daripada Barisan Nasional (BN) memonopoli kontrak projek-projek luar bandar telah dibawa ke perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir memberitahu persidangan berita di sini, hari ini, yang beliau akan menyiasat perkara itu.

" Kita akan periksa dan tengok sama ada benar atau tidak. Kita akan menentukan mereka yang terlibat," katanya.

Dalam persidangan berita itu, seorang wartawan dari Kuala Lumpur memberitahu Perdana Menteri, rungutan itu sering disuarakan oleh penduduk luar bandar kepadanya sejak beliau mula membuat liputan pilihan raya negeri tiga minggu lepas.

Wartawan itu memberitahu Dr Mahathir, perkara itu menyebabkan penduduk luar bandar berpendapat tindakan wakil rakyat mereka menyebabkan mereka tiada peluang untuk mendapatkan kerja-kerja kontrak itu.

Di satu kempen pilihan raya di Tuaran dekat sini semalam, Dr Mahathir meminta penduduk Sabah memaklumkan kepadanya wakil-wakil rakyat daripada BN yang gagal menunaikan tugas dan tanggungjawab di kawasan pilihan raya masing-masing.

Sementara itu, setiausaha politik kepada seorang Menteri Kanan di Sabah memberitahu BERNAMA hari ini bahawa kes yang diutarakan oleh wartawan itu merupakan antara isu utama yang dibangkitkan oleh pembangkang khususnya di kawasan-kawasan luar bandar dalam pilihan raya negeri kali kesembilan pada 12 dan 13 Mac ini.

"Jaminan daripada Perdana Menteri yang amalan itu akan disiasat pasti membawa kelebihan kepada BN pada pilihanraya kali ini," katanya.

-- BERNAMA

AU PR